

SKEMA 6

Jawapan 2 (b). Petikan Cerpen

- (i) Perkara yang dilakukan Aiman
 - sedang memanjat pokok kelapa
 - dia berpaut pada pelepas-pelepas pokok kelapa yang masih lembut
 - dia menarik pelepas dan pucuk muda itu sekuat-kuatnya
- (ii) Cara untuk mengelak halusinasi
 - mengisi masa dengan hobi atau perkara yang berfaedah
 - bergaul mesra dan melakukan aktiviti bersama rakan atau keluarga
 - menjauhi masalah yang tidak diingini
 - tidak berangan-angan tentang sesuatu perkara yang tidak masuk akal
- (iii) Dua latar masyarakat
 - Masyarakat yang bijak. Contohnya, Aiman dan rakan-rakan kelasnya mempunyai IQ yang tinggi
 - Masyarakat yang suka berhalusinasi. Contohnya, Aiman suka berangan – angan tentang aeroangkasa

Jawapan 2 (d)

- (i). **Maksud**
 - * dilengkapi dengan segala kemudahan
 - * prasarana yang telah berjaya disiapkan
- (ii). **Dua persoalan**
 - * persoalan kesetiaan rakyat tanpa berbelah bahagi kepada pemerintah
 - * persoalan kegigihan dalam melakukan sesuatu tugas yang telah diamanahkan
- (iii). **Ciri-ciri kediaman**
 - * kemudahan yang akan disediakan dalam rumah itu
 - * ruang dalam kediaman selesa mengikut bilangan penghuni
 - * lokasi kediaman itu strategik
 - * berdekatan dengan kemudahan awam, aspek keselamatan terjamin
 - * mudah sampai ke kawasan tersebut

Jawapan 3 (a)

- (i). tunggang-langgang - Keadaan rumah itu *tunggang-langgang* selepas mereka mengadakan majlis hari jadi di situ semalam.

- (ii). kelam-kabut
 - Dia *kelam-kabut* semasa pergi ke bilik peperiksaan sehingga tertinggal kad pengenalan.
- (iii). kusut-masai
 - Rambut Zarith kelihatan *kusut-masai* kerana dia baru bangun daripada tidur.
- (iv). desas-desus
 - *Desas-desus* tentang majlis perkahwinan Mira telah menjadi topik perbualan orang kampung sejak minggu lepas.
- (v). patah-riuk
 - Mangsa kemalangan yang *patah-riuk* tulang tangan dan kaki itu terpaksa dikejarkan ke hospital dengan ambulans.
- (vi). gelap-gelita
 - Suasana di kampung itu *gelap-gelita* kerana bekalan elektrik telah terputus sejak pukul 9 malam tadi.

Jawapan 3 (b)

- (i) Ramai remaja suka melepak dan merokok di pusat beli-belah.
- (ii) Mereka berasa sunyi duduk di rumah lalu berjumpa dengan rakan-rakan.
- (iii) Mereka tahu bahawa perbuatan tersebut tidak berfaedah dan hanya membazirkan masa.

Jawapan 3 (c)

- | | | |
|------|--------------------|--------------------------|
| (i) | yunit
membina | - unit
- dibina |
| (ii) | ketal
kepunyaan | - kental
- mempunyai |
| (iv) | tanjong
bermaju | - tanjung
- dimajukan |

Jawapan 3 (d)

- | | | |
|--------|----------------------------|-------------------------------|
| (i). | mengarahkan
dikebumikan | - menitahkan
- dimakamkan |
| (ii). | tangkai
daripada | - ikat
- dari |
| (iii). | Di masa
mengisahkan | - Pada masa
- mengendahkan |

Jawapan 3 (e)

- (i). yang dikehilangan tak dapat, yang dikendong bercinciran
- (ii). malu bertanya sesat jalan
- (iii). indah khabar daripada rupa